**KENYATAAN MEDIA**
**PEJABAT PESURUHJAYA KANAK-KANAK**
**SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM)**

**EDITOR, MEJA BERITA** **UNTUK SIARAN SEGERA**

# KENYATAAN MEDIA

**KUALA LUMPUR (18 MEI 2023)** - Kejadian kes penderaan kanak-kanak baru-baru ini yang didakwa dilakukan oleh pengasuh dan penjaga pusat penjagaan kanak-kanak amat membimbangkan. Sikap tidak berperikemanusiaan dan pengabaian terhadap kanak-kanak yang berlaku dalam paparan kes terkini hendaklah menjadi pengajaran kepada semua lapisan masyarakat bahawa perhatian yang serius perlu diberikan kepada penjaga utama kanak-kanak.

Walaupun kerajaan mempunyai kewajipan dalam melindungi hak kanak-kanak, perlindungan ini tidak dapat dijamin tanpa tanggungjawab ibu bapa dan penjaga dalam memastikan keperluan kanak-kanak dipenuhi. Ibu bapa dan penjaga perlu cakna tentang tahap kecekapan individu yang mempunyai hubungkait serta yang telah diamanahkan untuk menjaga anak-anak mereka. Sehubungan itu, ibu bapa atau penjaga yang bertanggungjawab perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan seperti mencari pusat penjagaan kanak-kanak/pengasuh yang memenuhi syarat yang ditetapkan oleh undang-undang dan dikawal selia oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

PKK menyeru kepada masyarakat agar memainkan peranan yang aktif dalam menyokong agensi kerajaan dengan melaporkan pusat penjagaan kanak-kanak yang tidak berlesen atau tidak berdaftar kepada JKM. Masyarakat harus sedar akan tanggungjawab kolektif mereka dan impak daripada tindakan mereka dalam menyokong usaha mengekang insiden penderaan kanak-kanak daripada terus berlaku di pusat penjagaan kanak-kanak, sama ada berlesen atau tidak berlesen.

PKK juga ingin menggesa kanak-kanak yang telah mencapai usia matang diberikan kesedaran yang meluas mengenai isu kanak-kanak yang memberikan kesan secara langsung atau tidak langsung kepada mereka.

Pengetahuan dan maklumat mengenai hak kanak-kanak harus disebarkan, setara dengan usia mereka. Keupayaan mereka untuk memahami tentang keselamatan diri dan rakan mereka adalah penting dalam membantu melaporkan kejadian penderaan kanak-kanak kepada orang dewasa apabila mereka menjadi mangsa atau menyaksikan kejadian penderaan.

**-TAMAT-**

**Dr Farah Nini Dusuki**
**Pesuruhjaya Kanak-Kanak**
**18 Mei 2023**

*Pertanyaan Media:Sila hubungi Pn Siti Zaihan Zulkarnain melalui 0326125696/0123932977atau sitizaihan@suhakam.org.my*